

Poster Bintang



NAZEERA SARDI

PROFIL

- **Nama sebenar:** Siti Nazirah Sardi
- **Kerjaya:** Pelakon, Penyanyi dan Model
- **Tahun aktif:** 2011 sehingga kini
- **Umur:** 32 tahun
- **Tarikh lahir:** 29 Julai 1986
- **Adik-beradik:** Anak bongsu daripada lapan beradik
- **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Pemasaran), Universiti Putra Malaysia (UPM)
- **Drama:** *Jiwa Lara*, *Tasbih Cinta Qasidah*, *Pembancuh Kopi Mr. Vampire*, *Pencuri Cinta Kelas Satu*, *Cinta Maya dan Wanita Di Hujung Kuala*
- **Film:** *Warna Cinta Impian*
- **Telefilem:** *Siti Oh Siti*, *Syurga Di Hujung Jalan* dan *Izinkan Aku Menebus Dosa*
- **Lagu:** *Tetap Ada Cinta*

PELAKON jelita ini mempunyai hasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas ini.

NASI Saya seorang yang suka makan nasi dan boleh makan sebanyak lima kali sehari.

KUCING Kalau nak tahu, saya seorang yang takutkan kucing.

MERAH JAMBU Saya seorang yang obses dengan sebarang objek yang berwarna merah jambu.

IKAN PERKASAM Selain nasi, saya juga suka dan boleh makan ikan perkasam setiap hari.

SINGLE Sebelum ini, saya pernah mempunyai satu single yang berjudul *Tetap Ada Cinta*.

AKTRES jelita ini bakal muncul dalam sebuah telemovie berjudul *Tahyul* tidak lama lagi.

ANAK seni ini amat meminati warna merah jambu.



Hasrat mumi Nazeera Sardi

BARANGKALI tidak keterlaluan untuk mengatakan pelakon cantik bernama Nazeera Sardi ini seorang yang berwawasan tinggi, berjiwa besar dan dahagakan ilmu.

Masakan tidak, bukan semua orang mahu dan mampu terikat dengan banyak komitmen dalam satu-satu masa. Lebih-lebih lagi bergelar status sebagai anak seni yang sememangnya mempunyai masa yang sangat terhad.

Baru sahaja meraih segulung Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Oktober lalu, Nazeera atau nama sebenarnya Siti Nazirah Sardi, 32, mengakui dirinya ada menyimpan hasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selepas ini.

Bagaimanapun, ujar pelakon drama *Pembancuh Kopi Mr. Vampire* itu, hasrat tersebut tidak dapat ditunaikan dalam tempoh terdekat memandangkan si jelita itu mahu memberi laluan kepada beberapa komitmen lain terlebih dahulu.

"Kalau ada rezeki dan masa, saya memang mahu menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, tetapi bukanlah dalam masa terdekat kerana saya baru sahaja bekerja keras menghabiskan pengajian baru-baru ini.

"Bukan apa, setelah

memberi komitmen kepada pengajian sebelum ini, kini saya mahu fokus terhadap karier dan bisnes pula," ujarnya yang menjalankan perniagaan dalam bidang kecantikan.

Menyambung bicara mengenai hal itu, anak kelahiran Gemencheh, Negeri Sembilan tersebut meluahkan hasrat hatinya yang mahu meneruskan pengajian dalam jurusan yang sama iaitu Pemasaran.

"Sekiranya saya ada rezeki menyambung pengajian kelak, saya akan meneruskan pengajian dalam bidang Pemasaran di universiti tempatan.

"Bukan apa, antara sebab saya memilih jurusan berkenaan adalah kerana ia berkaitan dengan apa yang saya lakukan sekarang iaitu menjalankan bisnes. Secara tidak langsung, saya akan memperoleh ilmu berkaitan pemasaran," kongsiya yang terlibat dengan beberapa projek termasuk selesai menjalani penggambaran untuk telemovie berjudul *Tahyul*.

Berecak mengenai perihalnya perniagaannya pula, kata Nazeera, dia bakal mengeluarkan beberapa lagi produk baharu di bawah bisnes kecantikannya yang diberikan nama *@zeeyrabeauty_hq* itu.

Selain itu, anak seni yang mula berkecimpung dalam industri sejak tahun 2011 itu juga memberitahu, dia akan berkongsi banyak perkara termasuk rutin kecantikan, pengalaman bisnes, pengalaman belajar dan banyak lagi menerusi laman akaun YouTube tidak lama lagi untuk para pengikutnya.

NAZEERA lebih selesa untuk berkongsi perkara-perkara yang positif kepada pengikut industri hiburan.

Usik-usik

Oleh NOR FATIHAH ISMAIL

Foto NOOREEZA HASHIM

Busana @Jimmy Umar @amaze_atelier

Solekan dan dandan rambut @idasani_85